

POLISI PEMBATALAN

1. Saya faham bahawa bagi kesemua langganan perkhidmatan yang saya pilih seperti yang tertera di sebutharga:

1.1 Tertakluk kepada tempoh bertenang (*cooling-off period*) selama 7 hari dari tarikh penghantaran terma dan syarat perkhidmatan.

1.2 Kecuali bagi peruntukan di dalam klausa 2.5 di bawah, sekiranya saya berhasrat untuk membatalkan langganan saya terhadap perkhidmatan di dalam sebutharga, saya perlu menzahirkan hasrat pembatalan itu dengan menghantar borang pembatalan kepada **Syarikat** sama ada secara tangan, pos atau di hantar melalui atas talian mengikut saluran komunikasi rasmi syarikat dengan syarat borang tersebut sampai ke pihak **Syarikat** di dalam tempoh bertenang seperti di dalam klausa 1.1 di atas.

1.3 Bagi situasi 1.2 di atas, **Syarikat** akan memulangkan wang bayaran saya secara penuh (*in full*) tanpa membuat sebarang penolakan di dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh borang itu diterima oleh **Syarikat**.

1.4 Dalam apa keadaan sekalipun, tiada pemulangan wang (*refund*) akan dibuat sekiranya saya gagal memenuhi peruntukan borang pembatalan seperti dinyatakan di dalam klausa 1.1 di atas atau saya gagal membuat **penyerahan lengkap** seperti di dalam klausa 2.3 di bawah.

2 Pembatalan langganan dan tanggungjawab penyerahan lengkap dokumen.

2.1 Saya faham bahawa saya bertanggungjawab penuh untuk memastikan segala dokumen sokongan yang diperlukan oleh **Syarikat** bagi menyediakan dokumen-dokumen perancangan dan pengurusan pusaka seperti yang saya langgani (selepas ini dikenali sebagai '**penyerahan lengkap**').

2.2 Saya faham bahawa **Syarikat** tidak berupaya untuk menyediakan dokumen dan membuat urusan pusaka mengikut langganan saya seperti yang dinyatakan pada sebutharga, jika saya gagal membuat **penyerahan lengkap** dokumen yang dikehendaki.

2.3 Di dalam keadaan ini (tiada **penyerahan lengkap**), sekiranya saya berhasrat untuk membatalkan langganan perkhidmatan saya di luar dari tempoh bertenang klausa 1.1 dan klausa 1.4 di atas tergunapakai.

2.4 Sekiranya saya telah membuat bayaran mengikut jumlah yang ditetapkan dan telah membuat **penyerahan lengkap** namun **Syarikat** gagal menyediakan dokumen dan/atau gagal memberikan perkhidmatan pengurusan pusaka seperti yang saya langgani, maka sekiranya saya memilih untuk membatalkan langganan ini dengan cara memberikan satu borang bertulis bagi menzahirkan niat saya, maka **Syarikat** akan memulangkan bayaran yang telah saya buat setelah ditolak kos-kos yang berkaitan.

2.5 Sekiranya saya melanggan perkhidmatan **HIBAH HARTANAH AMANAH, HIBAH HARTANAH KOMPREHENSIF, AT-TIJARAH AMANAH, AT-TIJARAH KOMPREHENSIF, MUTAHABBAH AMANAH** atau **MUTAHABBAH KOMPREHENSIF**;

2.5.1 Sekiranya saya berhasrat untuk membatalkan langganan ini di dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pembayaran sah diterima oleh **Syarikat** dan borang pembatalan telah diterima oleh **Syarikat** dari saya di dalam tempoh tersebut, maka saya faham bahawa Syarikat akan hanya memulangkan lima puluh peratus (50 %) dari jumlah pembayaran yang telah saya buat. Saya juga faham bahawa pembayaran ini akan dibuat di dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh borang pembatalan saya diterima oleh **Syarikat**.

2.5.2 Sekiranya saya berhasrat untuk membatalkan langganan ini di luar dari tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pembayaran diterima oleh **Syarikat**, tiada sebarang pemulangan wang akan dibuat oleh **Syarikat** kepada saya.

2.5.3 Sekiranya saya gagal membuat **penyerahan lengkap** dokumen dan **Syarikat** telah mencuba sedaya-upaya untuk menghubungi saya melalui panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas, e-mel, atau apa-apa kaedah komunikasi yang lain yang mana **Syarikat** berjaya membuktikan usaha-usaha ini telah dibuat dan mempunyai rekod ke atasnya, maka tiada sebarang pemulangan wang akan dibuat kepada saya selepas tempoh bertenang di dalam klausa 1.1 di atas.

3. Polisi pemulangan wang.

3.1 Pemulangan wang dalam tempoh bertenang 7 hari dan 60 hari.

3.2 Pemulangan wang di luar tempoh bertenang merujuk kepada :

3.2.1 Isu teknikal yang menyebabkan dokumen tidak boleh dikeluarkan.

Antaranya adalah seperti berikut:

3.2.1.1 Geran/pemilikan harta bukan hakmilik pemberi.

3.2.1.2 Sekatan dalam geran/kaveat.

3.2.1.3 SIA/Nomini tidak perlu untuk arahan hibah.

3.2.1.4 Arahan SIA/Nomini tidak boleh dibuat.

3.2.1.5 Arahan pelanggan tidak boleh dipenuhi untuk dimasukkan dalam dokumen.

3.2.2 Isu Kes Pusaka tidak dapat diuruskan. Antaranya adalah seperti berikut :

3.2.2.1 Waris-warisan tidak mahu memberikan kerjasama sama ada secara langsung atau tidak langsung.

3.2.2.2 Tiada rekod harta milik si mati.

3.2.2.3 Waris-warisan tidak mengetahui fakta pusaka Si Mati.

3.2.2.4 Tiada harta yang berdaftar di atas nama si mati.

3.2.2.5 Dan lain-lain isu berkaitan.

3.2.3 Kesilapan/Lebih bayaran dari pelanggan.

3.2.4 Bayaran bagi pemulangan wang akan di proses dalam tempoh 14 hari bekerja selepas maklumat pemulangan adalah lengkap.

3.3 Pihak syarikat berhak menolak dan memulangkan pembayaran pelanggan tanpa sebab dan notis kepada pelanggan di atas.

3.4 Sebarang cukai, fi atau caj yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam polisi pemulangan wang ini.